

# USIM mahu tubuh universiti di Thailand

SEREMBAN 9 April - Pencapaian membanggakan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) khususnya dalam pengurusan dan akademik menarik minat dua yaysan pendidikan dari Thailand untuk menjadikan USIM sebagai contoh kepada penubuhan sebuah universiti baharu di negara jiran itu.

Inisiatif itu dilakukan menerusi kunjungan delegasi daripada Education Heritage Foundation Thailand dan Yayasan Darul Naeem, Songkhla, Thailand ke USIM. Nilai dekat sini baru-baru ini untuk berkongsi input dan pengalaman terhadap pembangunan dan kejayaan USIM.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, ahli delegasi berkenaan melahirkan hasrat untuk menubuhkan Asian International University of Science and Technology (AIU) di Thailand.

"Apabila universiti ini ditubuhkan nanti, ia akan menjadi pusat pendidikan yang menerapkan pengajian Islam secara kondusif.

"AIU diyakini mampu menyediakan peluang pengajian peringkat



tinggi yang lebih luas kepada para pelajar di Selatan Thailand yang majoritinya masyarakat Islam," katanya di sini hari ini.

Asma berkata, berdasarkan kajian delegasi berkenaan, hampir 75 hingga 80 peratus pelajar lepasan menengah tidak berupaya melanjutkan pengajian ke peringkat universiti berikutan tempat yang terhad.

"Jumlah yang besar ini pastinya menyumbang kepada peningkatan masalah pengangguran, penagihan dadah dan kegiatan ekstremis yang akan merencatkan lagi pembangunan ekonomi dan taraf hidup masyarakat Islam selatan Thailand," ujarnya.

Katanya lagi, melalui perbincangan dua hala itu, pihak USIM mencadangkan supaya delegasi berkenaan membentuk kumpulan



**ASMA Ismail (tengah) berbincang bersama sebahagian delegasi yaysan pendidikan dari Thailand dan pengurusan tertinggi USIM bagi penubuhan University of Science and Technology (AIU) di Thailand, di universiti berkenaan, dekat Nilai, baru-baru ini.**

tenaga pengajar mencukupi sebelum melakukan proses pengambilan pelajar.

Dalam pada itu, Asma menambah, USIM secara prinsip bersedia menawarkan peluang pengajian di

peringkat prasiswazah dan pasca-siswazah kepada pelajar dari Thailand yang memenuhi syarat kema-

sukan ke universiti itu dalam usaha membantu mencapai hasrat murni berkenaan.